



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**21 Oktober 2021
14 Rabiu'ulawal 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Hidupan marin Pulau Tenggol bakal pupus• Sewa bot memancing makin rancak
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT 29	TARIKH 21/10/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			



SEBUAH bot nelayan melabuhkan pukat tunda berhampiran salah sebuah tempat menyelam dikenali Gua Rajawali di Pulau Tenggol, Terengganu.

Hidupan marin Pulau Tenggol bakal pupus

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF
BAKRI
hafizyusoff@mediamulia.com.my

DUNGUN: Hidupan marin terutamanya terumbu karang di perairan Pulau Tenggol di sini diancam kepupusan berikutnya aktiviti menangkap ikan secara haram menggunakan pukat tunda dalam kalangan nelayan tempatan dan asing semakin berleluasa.

Utusan Malaysia baru-baru ini menyaksikan sendiri bagaimana dua bot nelayan disiksi dari luar negeri ini melabuhkan pukat tunda kira-kira 200 meter dari kawasan menyelam di Gua Rajawali di pulau tersebut.

Malah ada masanya, lebih 10 bot nelayan berada di pulau tersebut untuk menjalankan aktiviti penangkapan ikan menggunakan pukat tunda.

Pukat tunda bulan sahaja memusnahkan terumbu karang malah semua spesies marin kerana ia mengaut semua hidupan yang dipukat di satu-satu kawasan.

Seorang pengusaha bot yang enggan dikenali berkata, pencerobohan nelayan termasuk nelayan warga asing bukan perkara baharu sebaliknya sudah berlaku beberapa tahun lalu dengan masing-masing mempunyai modus operandi tersendiri.

"Nelayan haram terabit menghampiri pulau tersebut dan kelihatan seolah-olah cuba berlindung daripada tiupan angin atau ombak kuat. Namun

Kami bimbang terumbu karang akan rosak teruk dan hidupan marin di sini akan pupus jika nelayan dari luar negeri ini mengautnya. Sepatutnya ia perlu terus dijaga, lebih-lebih lagi menjadi tumpuan kawasan pelancong terutama untuk aktiviti selam scuba," jelasnya.

Dalam masa sama, pengusaha bot berkenaan tidak menolak kemungkinan ada nelayan bersekongkol dengan operator resort untuk mengetahui maklumat sekiranya terdapat kehadiran pihak berkuasa.

Katanya, menerusi kerjasama itu aktiviti menangkap ikan secara haram lebih 'selamat' kerana mereka mempunyai 'tonto' untuk mengesan kehadiran pihak berkuasa.

Pulau tersebut yang menempatkan pelbagai spesies hidupan marin antaranya *bumphead, angle fish* dan pelbagai spesies lain yang menjadi sebahagian khazanah negara.

Di samping itu, pulau tersebut juga pernah mencatatkan kehadiran ikan lumba-lumba selain ikan paus.

Kawasan Taman Laut adalah zon larangan bagi sebarang aktiviti menangkap ikan menurut peruntukan Akta Perikanan 1985 (Pindaan 1994).

Mana-mana individu yang melakukannya kesalahan menangkap ikan di kawasan larangan Taman Laut boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM20,000 atau dua tahun penjaran atau kedua-duanya sekali.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Sewa bot memancing makin rancak

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews.mediamulia.com.my

GEORGETOWN: Selepas hampir setahun perniagaan perkhidmatan bot memancing ke Pulau Kendi dekat sini sepi tanpa tempahan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), akhirnya pengusaha bot memancing di negeri ini lega apabila perniagaan mereka kembali rancak setelah kerajaan membenarkan rentas negeri.

Seorang pengusaha bot memancing, Mohd. Nasir Mohd. Shah, 31, berkata, dia sudah menerima banyak tempahan daripada kaki pancing termasuk dari Kedah dan Perak yang manu mencuba memburu spesies ikan bersaiz besar seperti ikan kerapu, geregeh (GT) dan jenahak yang banyak terdapat di kawasan sekitar Pulau Kendi.

Katanya, dia bersyukur kerana sebaik sahaja kerajaan mengumumkan kebenaran rentas negeri, tempahan trip memancing yang diterimanya terus meningkat 100 peratus.

"Bagi bulan Oktober, slot memancing ke Pulau Kendi dan kawasan sekitarnya telah pun penuh, sekarang yang tinggal trip untuk November dan Disember.

"Pengusaha bot memang lega dengan keadaan ini sebab sudah



SEKUMPULAN kaki pancing tidak menunggu lama untuk menempah perkhidmatan bot ke Pulau Kendi, Pulau Pinang sebaik sahaja kerajaan membenarkan aktiviti rentas negeri.

lama perniagaan kami perlahan, hanya selepas kerajaan benarkan rentas negeri baru ramai yang tempah trip memancing dari kami," katanya di sini, semalam.

Menurut Mohd. Nasir, dia menjalankan perkhidmatan sewa bot ke Pulau Kendi dan kawasan sekitar setiap hujung minggu dan pada masa ini tu-

rut menjalankan perkhidmatan pada hari biasa sekiranya terdapat permintaan daripada pelanggan.

Katanya, antara faktor utama

yang menyebabkan Pulau Kendi terkenal sejak dahulu dalam kalangan kaki pancing ialah air yang jernih serta kewujudan terumbu karang menjadikan kawasan itu kaya dengan pelbagai spesies ikan.

"Antara ikan yang kerap dijinakkkan di sini ialah ikan kerapu, jenahak serta GT dan ada juga ikan dari kawasan luar seperti ikan tongkol dan tenggiri bermain-main di kawasan ini."

"Selain itu untuk mendapatkan ikan bersaiz besar pemancing juga tidak perlu pergi jauh seperti kita perlu memancing hingga di kawasan pelantar minyak, cukup sekadar melabuhkan umpan di Pulau Kendi."

"Jika pemancing bernasib baik mereka boleh melihat penyru atau ikan lumba-lumba yang kerap mencari makanan di perairan ini," katanya.

Tambahnya, pemancing terutama dari sekitar Perak dan Kedah yang pernah memancing di Pulau Kendi pasti akan kembali ke situ kerana tidak puas menguji kail mereka.

"Bagi mereka yang mahu merasai sendiri pengalaman memancing di Pulau Kendi, mereka boleh meninjau laman Facebook Memancing di Pulau Pinang atau menghubungi saya di talian 013-4167214," katanya.